Najib umum berita gembira

Hargai jasa, pengorbanan penjawat awam dan golongan pesara

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, mengumumkan kenaikan satu gaji tahunan untuk 1.6 juta penjawat awam berkuat kuasa 1 Julai.

Mengumumkan berita gembira itu pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-16 (MAPPA XVI) yang dihadiri kira-kira 10,000 anggota perkhidmatan awam, Najib yang juga Menteri Kewangan, turut mengumumkan beberapa insentif untuk penjawat awam dan golongan pesara.

Beliau berkata, pemberian kenaikan gaji itu sebagai menghargai jasa dan pengorbanan serta penat lelah penjawat awam sebagai kawan setia kerajaan dan kenaikan itu melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM1.46 bilion.

"Ini bermakna, penjawat awam mendapat tambahan satu lagi kenaikan gaji tahunan, di samping pengenalan gaji tahunan yang diterima bagi 2018," katanya yang disambut sorakan dan tepukan gemuruh penjawat awam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menteri-menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Zainal Rahim Seman dan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Azih Muda.

Najib dan Ahmad Zahid bergambar bersama penjawat awam selepas Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-16 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

Najib pada perhimpunan itu turut mengumumkan kerajaan bersetuju pelaksanaan kenaikan pangkat 'time-based' berasaskan kecemerlangan kali kedua untuk kumpulan pelaksana dipendekkan daripada 13 tahun kepada 10 tahun, mulai 1 Januari 2018.

"Ini bagi memberi peluang kenaikan kerjaya lebih baik kepada pegawai dalam kumpulan pelaksana untuk semua perkhidmatan, termasuk pasukan beruniform," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan itu melibatkan 13,006 pegawai dan pertambahan implikasi kewangan sebanyak RM34 juta bagi 2018.

Najib pada majlis itu turut mengumumkan kerajaan bersetuju mewujudkan gred lapisan kenaikan pangkat baharu iaitu Gred DG56 untuk pegawai perkhidmatan pendidikan, yang telah berada lebih lima tahun di Gred 54 dan memberikan perkhidmatan cemerlang.

"Pewujudan lapisan Gred DG56 ini memberi peluang kenaikan pangkat kepada 323 pegawai, dengan implikasi kewangan RM7.4 juta mulai 1 Januari 2019," katanya.

Najib berkata, kerajaan juga bersetuju memanjangkan kemudahan perubatan kepada ibu bapa pegawai lantikan kontrak warganegara, yang memberi faedah kepada ibu bapa 42,867 pegawai berkuat kuasa 1 Julai ini.

Sebagai sebuah kerajaan yang menghormati kepelbagaian kaum dan agama di negara ini, Najib berkata, kerajaan bersetuju memanjangkan kemudahan cuti tanpa rekod selama maksimum tujuh hari separuang tempoh perkhidmatan kepada perjawat awam bukan Islam bagi menunaikan aktiviti keagamaan masing-masing berkuat kuasa Januari tahun ini.

Menurutnya, pada penggunaan Bajet 2018, kerajaan telah meluluskan kemudahan cuti tanpa rekod selama tujuh hari bagi tujuan umrah kepada penjawat awam beragama Islam.

Perdana menteri dalam pada itu berkata, kerajaan juga bersetuju menyediakan sumbangan tahunan kepada Cuepacs sekurang-kurangnya RM3 juta setahun.

Bagi mewujudkan kebajikan berimbang antara penjawat awam dan pesara kerajaan, Najib pada majlis itu turut mengumumkan tiga insentif kepada kumpulan pesara, meliputi kira-kira 800,000 orang.

Beliau berkata, kerajaan bersetuju memberikan satu peratus kenaikan kadar pencen secara sekali bayar mulai 1 Julai sehingga 31 Disember 2018 sebagai tambahan kepada dua peratus yang diterima pesara pada 1 Januari tahun ini.

Setakat ini katanya, faedah persaraan seperti pencen, ganjaran dan Gantian Cuti Rehat diperuntukkan kepada pesara kerajaan pada 2018 sahaja, adalah sebanyak RM24 bilion.

Najib berkata, kerajaan juga akan memperuntukkan kuota untuk persatuan pesara kerajaan menunaikan haji bermula 2018.

"Bagi memastikan pesara kerajaan berpeluang menunaikan haji bermula tahun ini, maka saya bersetuju untuk menetapkan satu kuota selepas kerajaan mendapat jumlah kuota diperuntukkan kepada Malaysia," katanya.

- Bernama

Ujian pe

MOHAMAD FAZRIL ABDUL MAJID

SELEPAS sah dilantik menduduki kerusi ketua jurulatih tetap Selangor, Muhammad Nazhamni Mohamad Nasir kini mula mengorak langkah untuk 'hulur' dalam ujian pertamanya.

Ujian pertama yang dimaksudkan ialah untuk memastikan kejayaan dicapai di peringkat suku akhir Piala FA, apabila The Red Giants dijadual bertemu Kuala Lumpur di Stadium KLFA Cheras, Sabtu ini.

Menurut Muhammad Nazhamni, beliau sendiri selaku ketua jurulatih berharap anak buahnya dapat memalsukan harapan ini agar juara lima kali Piala FA itu mampu melangkah jauh dalam saingan musim ini.

"Sasaran yang terdekat saya sudah tentu lah untuk memastikan kejayaan dicapai pada akhir suku akhir Piala FA. Saya pasti pemain sem... sudah bersedia mental dan fizik... dan akan berjuang habis-habisan dalam perlawanan ini.

"Yang penting saya tidak mah... mereka ambil mudah cabar... Kuala Lumpur kerana perlawan... ini pastinya sengit untuk kedu... dua pasukan. Pemain mana ya... kurang melakukan kesilapan d... hijak memanfaatkan peluang i... keluar sebagai pemenang," kata... ketika dihubungi.

Terdahulu, Persatuan Bola Sep... Selangor (FAS) mengumumk... pelantikan Muhammad Nazha... sebagai ketua jurulatih bagi mu... gantikan P Maniam yang diberhen... pada 14 Mac lalu.

Mengulas pelantikannya se... ku ketua jurulatih tetap, beka... tua jurulatih Piala Presiden Selan...

Subkhiddin nafi mutu pengadil...

PENGERUSI Jawatankuasa Pengadil Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Subkhiddin Mohd Salleh menafikan mutu pengadilan di negara ini merosot sekali gus memberikan kesan kepada kualiti Liga Malaysia.

Menurutnya, secara keseluruhan, beliau masih berpuas hati dengan mutu pengadilan yang dipamerkan pengadil dalam setiap perlawanan liga.

Namun, katanya, kesilapan dan kecuaian dalam membuat sesuatu keputusan tetap ada tetapi perambah baikkan dilakukan setiap masa agar perkara sama tidak berulang.

"Dari segi kelemahan memang ada tetapi tidak patut untuk kata mutu pengadilan kita lemah.

"Sebab itu saya selalu bertanya kepada semua apakah yang dimaksudkan dengan persembahan pengadil yang teruk? Tolong jelaskan pada saya secara spe... sikit. Apabila saya tanya... yang tak boleh jawab.

"Sekarang ini ad... varians. Sebanarnya... utama dalam beber... mengenai ilmu dala... game, berkaitan kece... an ataupun pen padi... kena dirujuk dengan... sidang media di Wis...

Justeru, beliau m... da informasi mahu... masa sama memberi... memambah baik sis... ini.

Sementara itu, F... akan menggunakan... tambahan (AAR) pa... pusuh akhir dan per...

Kata Subkhiddin, ... rintis bagi memast... kan secara mekan... depan.

"Jika ada AAR ... yang kita dapat lebi... kan banyak pihak.

"Kita buat ... kawasan ... rana. ... Itu ... ba... be... V... (...